



CUKAI JUALAN 2018

PANDUAN PELUPUSAN

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

30 April 2024

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 30.4.2024

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang berkaitan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari panduan ini. Semua maklumat adalah terkini semasa penyediaannya dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1. PENGENALAN.....	4
2. TUJUAN	5
3. TERMINOLOGI	5-6
4. PERUNTUKAN UNDANG- UNDANG	7
5. KAEDAH PELUPUSAN DAN KEADAAN BARANG YANG BOLEH DILUPUSKAN.....	8-9
6. TATACARA PEMOHONAN PELUPUSAN	Error! Bookmark not defined.9-13
7. TATACARA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN KE ATAS PELUPUSAN SECARA PENJUALAN ATAU PEMBERIAN	13-18
LAMPIRAN.....	19
PERTANYAAN.....	20
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	20

1. PENGENALAN

- 1.1 Pengecualian dan kemudahan cukai jualan kepada pihak syarikat adalah diperuntukkan di bawah:
 - 1.1.1 Seksyen 35 Akta Cukai Jualan 2018 (ACJ 2018) kepada mana-mana orang/ golongan orang/ pengilang berdaftar;
 - 1.1.2 Seksyen 41A ACJ 2018 kepada pengilang berdaftar bagi kemudahan pemotongan cukai jualan; dan
 - 1.1.3 Seksyen 61A ACJ 2018 kepada orang yang diluluskan di bawah Skim Pengeksport Utama Diluluskan (AMES).
- 1.2 Pihak syarikat yang menikmati pengecualian dan kemudahan cukai jualan tersebut hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan sekiranya ingin melupuskan barang-barang yang diimport/dibeli/diangkut dengan pengecualian atau kemudahan cukai jualan di bawah seksyen 35, 41A dan 61A, Akta Cukai Jualan 2018 (ACJ 2018) serta pelupusan barang dikilang oleh pihak syarikat yang menggunakan pengecualian atau kemudahan cukai jualan.
- 1.3 Prosedur yang telah ditetapkan berhubung dengan permohonan pelupusan adalah bagi barang-barang seperti berikut:
 - 1.3.1 Bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids*), peralatan *cleanroom*, bahan pembungkus atau bahan pembungkusan;
 - 1.3.2 Barang siap yang dikilang;
 - 1.3.3 *Scrap*;
 - 1.3.4 Sisa dan hampas; dan

1.3.5 Apa-apa barang bercukai selain di atas yang diimport/dibeli/diangkut dengan pengecualian atau kemudahan cukai jualan.

2. TUJUAN

Panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan pihak syarikat bagi tujuan pelupusan barangan yang diimport/dibeli/diangkut dengan pengecualian atau kemudahan cukai jualan di bawah seksyen 35, 41A dan 61A, Akta Cukai Jualan 2018 (ACJ 2018) serta barang yang dikilang oleh pihak syarikat dengan menggunakan pengecualian atau kemudahan cukai jualan.

3. TERMINOLOGI

Perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:

“**AMES-02**” - Penyata pembayaran cukai yang dikehendaki dibayar di bawah Seksyen 61A, ACJ 2018.

“**Bahan mentah/komponen**” - bahan mentah / komponen yang digunakan secara langsung dalam proses pengilangan dan ia menjadi sebahagian daripada keluaran barang siap.

“**Bahan pembungkus/bahan pembungkusan (*packing materials/packaging materials*)**” - Bahan yang digunakan untuk mengisi atau membungkus barang siap yang dikilang (*attached or incorporated with finish goods*) atau membungkus barang siap yang dikilang bagi tujuan pengangkutan atau penyimpanan barang tersebut. Contohnya: botol, tin, plastik, *bubble wrap*, *crates* atau *PE stretch film*.

“**Barang**” – semua jenis harta alih di bawah Seksyen 2, Akta Cukai Jualan 2018.

“**Barang bercukai**” – barang daripada kelas atau jenis yang tidak dikecualikan daripada cukai jualan;

“Barang siap rosak” – Barang siap yang tidak menepati standard piawaian yang ditetapkan oleh bahagian kawalan kualiti syarikat.

“Borang SST-ADM” – Borang pembayaran cukai atau apa-apa amaun sebagai cukai atau apa-apa wang yang dikehendaki dibayar di bawah ACJ 2018 atau Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018).

“Kawasan Ditetapkan” – Labuan, Langkawi, Pangkor dan Tioman (Seksyen 2, Akta Cukai Jualan 2018);

“Kawasan Khas” – sebarang Zon Bebas, Gudang Berlesen di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 (AK1967) dan Gudang Pengilangan Berlesen di bawah seksyen 65A (AK1967) dan Kawasan Pembangunan Bersama, Pangkalan Bekalan Petroleum (Seksyen 77b, AK1967);

“Mengilang” merujuk kepada seksyen 3 ACJ 2018, “mengilang” bermaksud:

- (a) berhubung dengan barang selain petroleum, penukaran secara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu produk baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan-bahan itu termasuklah pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan.
- (b) berhubung dengan petroleum, proses penapisan yang termasuk pemisahan, penukaran, penulenan dan pengadunan aliran penapisan atau aliran petrokimia.

“Nilai urusniaga” – harga sebenarnya dijual kepada pembeli.

“Pelupusan” – suatu proses untuk mengeluarkan aset dari milikan, kawalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang ditetapkan.

“Pengawasan” – suatu aktiviti yang meliputi pemantauan, penyaksian atau pemeriksaan yang dibuat ke atas pelupusan barang.

“Sisa dan hampas” – Hampas, sisa, serpihan atau habuk yang terhasil daripada proses pengilangan.

“**Scrap**” – Apa-apa barang yang telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi sehingga berubah rupa bentuk dan fungsi asal.

4. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Peruntukan undang-undang berhubung pengecualian atau kemudahan cukai jualan di bawah ACJ 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1** berikut :

Bil	Perkara	Perundangan
i	Pengecualian kepada mana-mana orang/pengilang/pengilang berdaftar	Seksyen 35 ACJ 2018
ii	Kemudahan pemotongan cukai jualan kepada pengilang berdaftar	Seksyen 41A ACJ 2018
iii	Pengecualian kepada orang yang diluluskan di bawah AMES	Seksyen 61A ACJ 2018
iv	Pelanggaran syarat-syarat pengecualian oleh mana-mana orang/pengilang/ pengilang berdaftar	Subseksyen 35(5) ACJ 2018
v	Pelanggaran syarat-syarat kemudahan pemotongan cukai jualan oleh pengilang berdaftar	Subseksyen 41A (3) ACJ 2018
vi	Pelanggaran syarat-syarat pengecualian oleh orang yang diluluskan di bawah AMES	Subseksyen 61A (3) ACJ 2018
vii	Pelupusan barang yang diberikan pengecualian oleh mana-mana orang/pengilang/pengilang berdaftar	Perenggan 5(1)(a) Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 (PCJ(P) 2018)
viii	Pelupusan barang yang dibeli dengan kemudahan pemotongan cukai jualan oleh pengilang berdaftar	Para 16E (4), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018 (PPCJ 2018)
ix	Pelupusan barang bercukai oleh orang yang diluluskan di bawah AMES	Para 26D (a)(iv), (b)(iv) dan (b)(v) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018 (PPCJ 2018)

x	Kadar cukai	Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2022
---	-------------	--

Jadual 1: Senarai peruntukan perundangan yang diguna pakai

5. KAEDAH PELUPUSAN DAN KEADAAN BARANG YANG BOLEH DILUPUSKAN

5.1 Terdapat tiga (3) kaedah pelupusan iaitu:

5.1.1 Penjualan

5.1.2 Pemberian, antaranya:

- i. Hadiah / sumbangan / derma; atau
- ii. Sampel

Tatacara pelupusan secara pemberian adalah sama seperti pelupusan secara penjualan.

5.1.3 Pemusnahan:

- i. Buang di tapak pelupusan;
- ii. Tanam;
- iii. Bakar; atau
- iv. Mengikut kaedah yang bersesuaian sebagai contoh pemusnahan sisa bahan kimia berjadual dengan kelulusan stesen mengawal di zon/negeri

5.2 Keadaan barang yang boleh dilupuskan adalah seperti berikut:

5.2.1 Rosak, tidak berkualiti atau tiada nilai ekonomik;

5.2.2 Telah tamat tempoh (*expired/ obsolete*) atau tidak terjual;

5.2.3 Tidak memenuhi spesifikasi syarikat. Walau bagaimanapun barang tersebut masih mempunyai nilai dan boleh diguna pakai oleh pihak lain dalam bentuk asalnya (*rejected*); atau

5.2.4 Sebab-sebab lain. Contohnya tiada permintaan atau tidak memenuhi syarat-syarat perjanjian kontrak antara dua pihak.

5.3 Bagi pelupusan secara pemusnahan, pengecualian daripada membayar cukai jualan diberi secara *blanket* dan hendaklah dimusnahkan di bawah pengawasan JKDM serta mematuhi semua prosedur dan syarat yang ditetapkan. Barang-barang tersebut adalah seperti berikut:

5.3.1 Barang import dan keluaran tempatan yang belum dibayar cukai sama ada yang disimpan dalam atau disimpan di tempat selain gudang/ premis yang dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967 dan seksyen 20, 24 dan 25 Akta Eksais 1976;

5.3.2 Bahan mentah/ komponen dan bahan pembungkusan yang diperolehi melalui pengecualian yang tidak digunakan untuk pengilangan;

5.3.3 *Manufacturing aids* dan peralatan *cleanroom*; dan

5.3.4 Sisa dan hampas bahan mentah yang diperolehi melalui pengecualian.

6. TATACARA PERMOHONAN PELUPUSAN

6.1 Pihak syarikat hendaklah mengemukakan permohonan pelupusan dan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Bahagian/ Cawangan di stesen mengawal yang melibatkan pengecualian:

- i. duti import dan/atau cukai jualan; atau
- ii. duti eksais dan/atau cukai jualan.

6.2 Sekiranya barang yang hendak dilupuskan adalah diimport, diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau dibeli daripada pengilang berdaftar dengan menggunakan **pengecualian duti import dan/atau cukai jualan**, maka pihak syarikat hendaklah mengemukakan permohonan

pelupusan kepada Ketua Bahagian/ Cawangan yang bertanggungjawab seperti dalam **Jadual 2**.

Bil.	Pengecualian		Bahagian Yang Bertanggung jawab
	Duti Import	Cukai Jualan	
i.	Subseksyen 14(2) Akta Kastam 1967 (AK1967)	Subseksyen 35(3)(a) / 35(3)(b) ACJ 2018	Perkastaman
ii.	Subseksyen 14(2) AK 1967	Subseksyen 61A ACJ 2018/ PCJ(P) 2018	Perkastaman
iii.	Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017 (PDK(P) 2017)	Subseksyen 61A ACJ 2018/ PCJ(P) 2018	Cukai Dalam Negeri (CDN)
iv.	PDK(P) 2017	Subseksyen 35(3)(a) / 35(3)(b) ACJ 2018	CDN
v.	-	Subseksyen 35(3)(a) / 35(3)(b) ACJ 2018 / Subseksyen 61A ACJ 2018 / PCJ(P) 2018	CDN
vi.	Subseksyen 14(2) AK 1967/ PDK(P) 2017	-	Perkastaman

Jadual 2: Penentuan bahagian yang bertanggungjawab memproses permohonan pelupusan pengecualian duti import dan/ atau cukai jualan

- 6.3 Bagi pelupusan barang yang menggunakan pengecualian duti eksais dan/atau cukai jualan, maka permohonan pelupusan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Bahagian/ Cawangan yang bertanggungjawab seperti dalam **Jadual 3**.

Bil.	Pengecualian		Bahagian Yang Bertanggungjawab
	Duti Eksais	Cukai Jualan	
i.	Seksyen 11, Akta Eksais 1976	Seksyen 35, ACJ 2018	Cawangan Eksais, Bahagian Perkastaman
ii.	Seksyen 11, Akta Eksais 1976	-	Cawangan Eksais, Bahagian Perkastaman
iii.	-	Seksyen 35, Akta Cukai Jualan 2018	CDN

Jadual 3: Penentuan bahagian yang bertanggungjawab memproses permohonan pelupusan yang melibatkan pengecualian duti eksais dan/ atau cukai jualan

- 6.4 Permohonan pelupusan hendaklah dikemukakan bersama dokumen seperti berikut:
- 6.4.1 Surat permohonan rasmi dari syarikat;
- 6.4.2 Borang Permohonan Pelupusan Secara Penjualan/ Pemberian seperti di Lampiran 1 (jika berkaitan);
- 6.4.3 Borang Permohonan Pelupusan Secara Pemusnahan seperti di Lampiran 2 (jika berkaitan);
- 6.4.4 Dokumen-dokumen yang berkaitan (sekiranya perlu) seperti di bawah:
- i. Tawaran harga daripada bakal pembeli;
 - ii. Laporan kawalan mutu (QC) bagi mengesahkan kualiti barang daripada syarikat;
 - iii. Salinan lesen berniaga *scrap* atau logam lusuh syarikat pembeli (bagi pelupusan secara penjualan ke atas barang berasaskan logam);

- iv. Surat kelulusan daripada agensi kerajaan lain yang berkaitan perlu diperolehi terlebih dahulu sekiranya pelupusan barang tersebut tertakluk kepada peraturan atau kawalan agensi berkenaan; atau
 - v. Dokumen sokongan yang berkaitan bagi pelupusan secara pemberian seperti hadiah/ sumbangan, derma atau sampel.
- 6.5 Stesen yang mengawal akan mengeluarkan surat keputusan permohonan pelupusan secara penjualan/ pemberian atau secara pemusnahan.
- 6.6 Kelulusan secara blanket diberikan untuk **tempoh sehingga satu (1) tahun** ke atas pelupusan *scrap*, sisa dan hampas yang **tidak bercukai jualan**.
- 6.7 Bagi pelupusan **barang yang bercukai jualan**, tempoh kelulusan secara blanket adalah **tiga puluh (30) hari**. Kriteria untuk tempoh kelulusan pelupusan bagi barang bercukai jualan secara blanket yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:
- i. Kuantiti barang yang banyak; atau
 - ii. Kekerapan pelupusan.
- 6.8 Pelupusan hendaklah dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam surat kelulusan.
- 6.9 Pemusnahan barang siap, bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids*), peralatan *cleanroom*, bahan pembungkus, bahan pembungkusan, *scrap*, sisa dan hampas atau apa-apa barang bercukai hendaklah dibuat di bawah pengawasan pegawai cukai jualan Bahagian CDN di stesen yang mengawal.
- 6.10 Pihak syarikat hendaklah mengeluarkan sijil pemusnahan bagi setiap kali pemusnahan dilaksanakan. Format sijil pemusnahan yang perlu dikemukakan adalah Lampiran 3 atau Lampiran 4 seperti berikut:

6.10.1 **Lampiran 3** - Pemusnahan dengan penyaksian pegawai cukai jualan; atau

6.10.2 **Lampiran 4** - Pemusnahan tanpa penyaksian pegawai cukai jualan. Syarikat perlu mengemukakan sijil pemusnahan berserta dokumen pembuktian seperti berikut:

- i. Gambar pemusnahan;
- ii. Resit pembayaran pemusnahan di tapak pelupusan;
- iii. Akuan penerimaan bagi pelupusan bahan buangan terjadual/ sisa pepejal (jika berkenaan); dan
- iv. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Dokumen-dokumen di atas hendaklah dikemukakan kepada Bahagian/cawangan di stesen yang mengawal dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh pelupusan tersebut selesai dibuat.

6.11 Pihak syarikat perlu menyediakan laporan pelupusan seperti di **Lampiran 5** empat (4) kali setahun bagi tempoh Januari – Mac, April - Jun, Julai – September dan Oktober – Disember.

6.12 Laporan yang lengkap tidak perlu dicetak dan tidak perlu dihantar kepada Bahagian/cawangan di stesen yang mengawal, sebaliknya hendaklah disimpan oleh syarikat. Walau bagaimanapun, syarikat hendaklah mengemukakan laporan tersebut pada bila-bila masa kepada pegawai cukai jualan/ pegawai audit apabila diminta untuk tujuan semakan.

7 TATACARA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN KE ATAS PELUPUSAN SECARA PENJUALAN ATAU PEMBERIAN

Tatacara pembayaran cukai jualan ke atas pelupusan secara penjualan atau pemberian adalah seperti berikut:

7.1 Barang Siap Bercukai Yang Dikilang

7.1.1 Barang siap bercukai yang dikilang oleh pengilang berdaftar yang dilupuskan melalui cara penjualan/pemberian tidak memerlukan kelulusan stesen yang mengawal. Penentuan pengiraan cukai jualan adalah seperti berikut:

- i. barang siap bercukai yang masih dalam bentuk asal atau *scrap*, yang dilupuskan melalui **cara penjualan** adalah berdasarkan **kod tarif, kadar cukai** dan **nilai urus niaga** barang tersebut;
- ii. barang siap bercukai yang masih dalam bentuk asal atau *scrap*, yang dilupuskan melalui **cara pemberian** adalah berdasarkan **kod tarif, kadar cukai** dan **nilai pasaran semasa** barang tersebut.

7.1.2 Pengikraran dan pembayaran cukai jualan barang siap bercukai tersebut hendaklah menggunakan borang SST-02.

7.2 Barang Siap Tidak Bercukai Yang Dikilang

7.2.1 Barang siap tidak bercukai yang dikilang oleh pengilang berdaftar dengan menggunakan bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids*), peralatan *cleanroom*, bahan pembungkus atau bahan pembungkusan di bawah pengecualian cukai jualan yang dilupuskan secara penjualan/pemberian memerlukan kelulusan daripada stesen yang mengawal.

7.2.2 Penentuan pengiraan cukai jualan bagi penjualan barang siap tidak bercukai yang masih dalam bentuk asal atau *scrap*, adalah berdasarkan **amaun cukai jualan yang telah diberi pengecualian semasa pengimportan/pembelian bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids*), peralatan *cleanroom*, bahan pembungkus dan bahan pembungkusan** yang digunakan dalam pengilangan barang tersebut.

7.2.3 Pengikraran dan pembayaran cukai jualan ke atas barang yang hendak dilupuskan tersebut hendaklah menggunakan borang SST-ADM.

7.2.4 Bagi AMES Pengilang, pengikraran dan pembayaran cukai jualan ke atas barang yang hendak dilupuskan hendaklah menggunakan borang AMES-02.

7.3 Bahan Mentah, Komponen, Alat Bantuan Pengilangan (*Manufacturing Aids*), Peralatan *Cleanroom*, Bahan Pembungkus Atau Bahan Pembungkusan

7.3.1 Penjualan / pemberian bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids*), peralatan *cleanroom*, bahan pembungkus atau bahan pembungkusan yang hendak dilupuskan memerlukan kelulusan daripada stesen yang mengawal.

7.3.2 Penentuan cukai jualan yang perlu dibayar adalah berdasarkan amaun cukai yang telah diberi pengecualian semasa pengimportan / pembelian.

7.3.3 Pengikraran dan pembayaran cukai jualan hendaklah menggunakan borang SST-ADM.

7.3.4 Bagi AMES Pengilang, pengikraran dan pembayaran cukai jualan hendaklah menggunakan borang AMES-02.

7.4 Scrap, Sisa Dan Hampas

7.4.1 *Scrap*, sisa dan hampas hasil proses pengilangan yang dilupuskan memerlukan kelulusan JKDM di stesen yang mengawal.

7.4.2 Penentuan pengiraan cukai jualan bagi pelupusan secara jualan adalah berdasarkan kod tarif, kadar cukai dan nilai bagi urus niaga scrap, sisa dan hampas tersebut.

7.4.3 Manakala, penentuan pengiraan cukai jualan bagi pelupusan selain jualan adalah berdasarkan kod tarif, kadar cukai dan nilai pasaran semasa scrap, sisa dan hampas tersebut.

7.4.4 Pengikraran dan pembayaran cukai jualan hendaklah menggunakan borang SST-ADM.

7.4.5 Bagi AMES Pengilang, pengikraran dan pembayaran cukai jualan hendaklah menggunakan borang AMES-02.

7.5 Pengecualian cukai di bawah Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018, AMES Pengilang, AMES Pedagang atau subseksyen 35(3)(a) ACJ 2018

Apa-apa barang bercukai yang diimport/dibeli/diangkut dengan pengecualian cukai jualan di bawah Jadual A, PCJ(P) 2018 (tertakluk kepada syarat butiran), AMES Pengilang, AMES Pedagang atau subseksyen 35(3)(a) ACJ 2018, cukai jualan hendaklah dibayar berdasarkan amaun cukai yang telah diberi pengecualian semasa pengimportan / pembelian sekiranya barang tersebut hendak dilupuskan.

7.6 Kemudahan Pemotongan Cukai Jualan di bawah Seksyen 41A ACJ 2018

Apa-apa barang bercukai yang dibeli dengan kemudahan pemotongan cukai jualan di bawah seksyen 41A ACJ 2018, cukai jualan hendaklah dibayar berdasarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada amaun cukai jualan yang telah dipotong.

Bil.	Barang	Kaedah Pelupusan Penjualan/ Pemberian				Borang yang terlibat untuk pembayaran cukai
		Kelulusan JKDM	Kod Tarif	Amaun Cukai Yang Dibayar		
				Penjualan	Pemberian	
1.	Barang Siap Bercukai Jualan	X	Barang siap	Cukai Berdasarkan Nilai urusaniaga	Cukai Berdasarkan Nilai Pasaran Semasa	SST-02
2.	Barang Siap Tidak Bercukai Jualan	√	Bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan bahan pembungkusan	Amaun cukai yang telah diberi pengecualian semasa pengimportan / pembelian bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (<i>manufacturing aids</i>), peralatan <i>cleanroom</i> , bahan pembungkus dan bahan pembungkusan		SST-ADM
3.	Bahan mentah/ komponen atau bahan pembungkus/ pembungkusan	√	Bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan bahan pembungkusan	Amaun cukai yang telah diberi pengecualian semasa pengimportan / pembelian bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (<i>manufacturing aids</i>), peralatan <i>cleanroom</i> , bahan pembungkus dan bahan pembungkusan		SST-ADM
4.	Scrap, sisa dan hampas	√	Scrap, sisa dan hampas	Kod tarif, kadar cukai dan nilai urusaniaga.	Kod tarif, kadar cukai dan nilai pasaran semasa	SST-ADM
5.	Apa-apa barang bercukai dibawah pengecualian cukai jualan	√	Asal	Amaun cukai yang telah diberi pengecualian semasa pengimportan / pembelian		SST-ADM

Bil.	Barang	Kaedah Pelupusan Penjualan/ Pemberian				Borang yang terlibat untuk pembayaran cukai
		Kelulusan JKDM	Kod Tarif	Amaun Cukai Yang Dibayar		
				Penjualan	Pemberian	
	Jadual A, PCJ(P) 2018 (tertakluk kepada syarat butiran), AMES Pengilang, AMES Pedagang atau subseksyen 35(3)(a) ACJ 2018.	√	Menjadi Barang Siap Bercukai	Cukai berdasarkan nilai urusniaga	Cukai berdasarkan nilai pasaran semasa	SST-02
		√	Menjadi Barang Siap Tidak Bercukai	Amaun cukai yang telah diberi pengecualian semasa pengimportan / pembelian		SST-ADM
6.	Apa-apa barang bercukai yang dibeli dengan kemudahan pemotongan cukai jualan di bawah seksyen 41A ACJ 2018	√	Bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan bahan pembungkusan	Keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada amaun cukai jualan yang telah dipotong		SST-ADM

Jadual 4: Ringkasan Kaedah Pelupusan Secara Penjualan atau Pemberian serta Penentuan Cukai Jualan Yang Perlu Dibayar

LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Borang Permohonan Pelupusan Secara Penjualan / Pemberian.
- Lampiran 2 : Borang Permohonan Pelupusan Secara Pemusnahan.
- Lampiran 3 : Sijil Pemusnahan Barang Siap, Bahan Mentah, Komponen, Alat Bantuan Pengilangan (*Manufacturing Aids*), Peralatan *Cleanroom*, Bahan Pembungkus, Bahan Pembungkusan, *Scrap*, Sisa dan Hampas Atau Apa-Apa Barang Bercukai Dengan Penyaksian Pegawai Cukai Jualan.
- Lampiran 4 : Sijil Pemusnahan Barang Siap, Bahan Mentah, Komponen, Alat Bantuan Pengilangan (*Manufacturing Aids*), Peralatan *Cleanroom*, Bahan Pembungkus, Bahan Pembungkusan, *Scrap*, Sisa dan Hampas Atau Apa-Apa Barang Bercukai Tanpa Penyaksian Pegawai Cukai Jualan.
- Lampiran 5 : Laporan Pelupusan Secara Penjualan / Pemberian atau Pemusnahan Barang-Barang Yang Diberi Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018, Skim Pengeksport Utama Diluluskan (AMES) dan Subseksyen 35(3) Akta Cukai Jualan 2018.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi:

Bahagian Cukai Dalam Negeri

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Tingkat 5&6, Tower A, Suasana PjH

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2

62100 PUTRAJAYA.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Maklumat lanjut berkaitan cukai jualan boleh diperolehi daripada:

- i. Laman web MySST: <https://mysst.customs.gov.my/>
- ii. Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Faks : 03-7806 7599

BORANG PERMOHONAN PELUPUSAN SECARA PENJUALAN/ PEMBERIAN

Nama syarikat:

Alamat berdaftar:

No. Pendaftaran Cukai Jualan/ No. *Non-Registrant* / No. Kelulusan AMES/ No. Kelulusan Pemotongan Cukai Jualan/ No. Surat Kementerian Kewangan:

(*potong yang tidak berkenaan*)

No. sijil:

Jadual :

Butiran :

Bil.	Barang-barang yang diberikan pengecualian		Keterangan barang yang hendak dilupuskan (Barang siap, bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (<i>manufacturing aids</i>), peralatan <i>cleanroom</i> , bahan pembungkus, bahan pembungkusan, <i>scrap</i> , sisa dan hampas, apa-apa barang bercukai, dll)			Kuantiti	**Nilai (RM)	Kadar Cukai Terlibat (%)	Cukai Kena Dibayar (RM)
	Kod Tarif Barang	Diskripsi Barang	*Kategori barang	Kod Tarif Barang	Diskripsi Barang				
JUMLAH									

Saya akui maklumat yang dinyatakan dalam laporan ini adalah betul dan benar.

Tandatangan :

Nama penuh :

No. Kad Pengenalan:.....

Jawatan :.....

Cop Syarikat :

Nota:

***Kategori barang adalah sama ada barang siap, bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (*manufacturing aids*), peralatan *cleanroom*, bahan pembungkus, bahan pembungkusan, *scrap*, sisa dan hampas, apa-apa barang bercukai dibawah pengecualian cukai jualan Jadual A, PCJ(P) 2018, AMES Pedagang atau subseksyen 35(3) ACJ 2018, dll**

****Nilai Urusniaga/ Pasaran, sekiranya kategori barang lupus adalah *scrap*, sisa dan hampas**

Nilai Semasa Pembelian atau Import, sekiranya kategori barang lupus selain *scrap*, sisa dan hampas

BORANG PERMOHONAN PELUPUSAN SECARA PEMUSNAHAN

Pemusnahan

Nama syarikat:
 Alamat berdaftar:

- i) Buang di tapak pelupusan
- ii) Tanam
- iii) Bakar
- iv) Mengikut kaedah yang bersesuaian

No. Pendaftaran Cukai Jualan/ No. *Non-Registrant*/ No. Kelulusan AMES/No. Kelulusan Pemetongan Cukai Jualan/ No. Surat Kementerian Kewangan:
 (potong yang tidak berkenaan)

No. sijil:

Jadual :

Butiran :

Bil.	Barang-barang yang diberikan pengecualian		Keterangan barang yang hendak dimusnahkan (Barang siap, bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (<i>manufacturing aids</i>), peralatan <i>cleanroom</i> , bahan pembungkusan atau bahan pembungkusan, <i>scrap</i> , sisa dan hampas, apa-apa barang bercukai dll)			Kuantiti	Nilai (RM)	Cukai Kena Dibayar (RM)
	Kod Tarif Barang	Diskripsi Barang	*Kategori barang	Kod Tarif Barang	Diskripsi Barang			
JUMLAH								

Saya akui maklumat yang dinyatakan dalam laporan ini adalah betul dan benar.

Tandatangan :
 Nama penuh :
 No. Kad Pengenalan:.....
 Jawatan :.....
 Cop Syarikat :

Nota:**Kategori barang adalah sama ada barang siap, bahan mentah, komponen, alat bantuan pengilangan (manufacturing aids), peralatan cleanroom, bahan pembungkus, bahan pembungkusan, scrap atau sisa dan hampas, apa-apa barang bercukai dibawah pengecualian cukai jualan Jadual A, PCJ(P) 2018, AMES Pedagang atau subseksyen 35(3) ACJ 2018, dll*

SIJIL PEMUSNAHAN BARANG SIAP/ BAHAN MENTAH/ KOMPONEN/ ALAT BANTUAN PENGILANGAN (MANUFACTURING AIDS)/ PERALATAN CLEANROOM/ BAHAN PEMBUNGKUS/ BAHAN PEMBUNGKUSAN/ SCRAP/ SISA DAN HAMPAS/ APA-APA BARANG BERCUKAI DENGAN PENYAKSIAN PEGAWAI CUKAI JUALAN

1. Nama dan Alamat Syarikat/ Kilang :
2. No. Rujukan Sijil Pengecualian :
3. No. Rujukan Kelulusan Pelupusan :
4. Bahan Mentah/ Komponen / Sisa / Barang Siap dan Lain-lain Barang:
 - 4.1 Diskripsi Barang :
 - 4.2 Kuantiti :
 - 4.3 Anggaran Nilai :
 - 4.4 Anggran Duti :
5. Tempat Pemusnahan :
6. Cara Pemusnahan :
7. Perakuan Pemusnahan

“Saya (nama) (pangkat) mengaku bahawa saya telah selesai menyelia pemusnahan barang-barang di butiran (4) di atas pada (tarikh) dari hingga (masa)”.

Tarikh:
 (Tandatangan / Cop Syarikat)

8. Disaksikan oleh
 - 8.1 Tandatangan :
 Nama Pegawai Syarikat :
 Cop :
 - 8.2 Tandatangan :
 Nama Pegawai Cukai Jualan :
 Cop :

Nota: Sijil ini hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada JKDM satu (1) bulan dari tarikh pelupusan tersebut selesai dibuat.

SIJIL PEMUSNAHAN BARANG SIAP/ BAHAN MENTAH/ KOMPONEN/ ALAT BANTUAN PENGILANGAN (*MANUFACTURING AIDS*)/ PERALATAN *CLEANROOM*/ BAHAN PEMBUNGKUS/ BAHAN PEMBUNGKUSAN/ *SCRAP*/ SISA DAN HAMPAS/ APA-APA BARANG BERCUKAI TANPA PENYAKSIAN PEGAWAI CUKAI JUALAN

1. Nama dan Alamat Syarikat/ Kilang :

.....

.....

2. No. Rujukan Sijil Pengecualian :

3. No. Rujukan Kelulusan Pelupusan :

4. Bahan Mentah/ Komponen / Sisa / Barang Siap dan Lain-lain Barang:

4.1 Diskripsi Barang :

4.2 Kuantiti :

4.3 Anggaran Nilai :

4.4 Anggran Duti :

5. Tempat Pemusnahan :

.....

6. Cara Pemusnahan :

7. Perakuan Pemusnahan

“Saya (nama) (pangkat)
mengaku bahawa saya telah selesai menyelia pemusnahan barang-barang di
butiran (4) di atas pada (tarikh) dari hingga
(masa)”.

Tarikh:
.....
(Tandatangan / Cop Syarikat)

Nota: Sijil ini hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada JKDM satu (1) bulan dari tarikh pelupusan tersebut selesai dibuat.

